

0247

B B100 AAB
LEAD MAHATHIR - AKTA R R R R R

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MENGEMUKAKAN PINDAAN KEPADA AKTA PERTUBUHAN 1960 DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN +SUPAYA LEBIH SESUAI DENGAN KEADAAN.+

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI BAHAWA PINDAAN YANG AKAN DIBUAT KE ATAS AKTA ITU TERMASUK MEMINDA SEKSYEN 12 (3) AKTA BERKENAAN.

+BEBERAPA PINDAAN KECIL YANG BERKAITAN DENGANNYA JUGA DILAKUKAN,+ KATA BELIAU.

DI BAWAH SEKSYEN BERKENAAN, MANA-MANA PERTUBUHAN BOLEH MENJADI TIDAK SAH DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG SEKIRANYA TERDAPAT CAWANGAN-CAWANGAN ATAU BAHAGIAN PERTUBUHAN BERKENAAN YANG TIDAK DIDAFTARKAN DENGAN PENDAFTAR PERTUBUHAN.

MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR TELAH MENGISYTIHARKAN UMNO LAMA SEBAGAI PERTUBUHAN TIDAK SAH PADA 4 FEB LEPAS BERDASARKAN KEPADA SEKSYEN 12 (3) AKTA PERTUBUHAN. -- LAGI.

1934MST 14 03 88

0249

B B101 AAB
LEAD MAHATHIR - AKTA 2 KUALA LUMPUR R R R R R

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENYATAKAN SAMA ADA PINDAAN KE ATAS AKTA ITU DIBUAT BERIKUTAN DENGAN NASIB YANG DIALAMI OLEH PARTI ITU SETELAH 11 ORANG BEKAS ANGGOTANYA MENGHERET PARTI ITU KE MAHKAMAH.

MEREKA TELAH MEMINTA MAHKAMAH TINGGI MENGISYTIHARKAN PEMILIHAN PARTI PADA 24 APRIL TAHUN LALU SEBAGAI TIDAK SAH KERANA 30 CAWANGAN PARTI TERSEBUT TIDAK DIDAFTARKAN DENGAN PENDAFTAR PERTUBUHAN.

MENGENAI CADANGAN PINDAAN KE ATAS PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MELIBATKAN +SOAL TANAH DAN TANAH RIZAB SERTA LAIN-LAIN LAGI.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK PULA MENYATAKAN TARIKH PINDAAN KEPADA AKTA PERTUBUHAN DAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN AKAN DIKEMUKAKAN DI DEWAN RAKYAT.

BELIAU HANYA BERKATA: +KERAJAAN BERHARAP DRAF-DRAF PINDAAN BERKENAAN SIAP ESOK. LEPAS ITU ANDA SEMUA BOLEHLAH MELIHATNYA.+

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MESYUARAT KHAS KABINET YANG DIADAKAN PAGI INI TELAH MEMBINCANGKAN PINDAAN-PINDAAN TERSEBUT. -- LAGI.

1938MST 14 03 88

0257

B 8107 AAB
LEAD MAHATHIR - AKTA 3 KUALA LUMPUR R R R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA TIDAK MENYATAKAN SAMA ADA PINDAAN-PINDAAN KE ATAS AKTA ITU AKAN MEMBERI KESAN KEPADA PERMOHONAN OLEH JAWATANKUASA PENAJA UMNO MALAYSIA KEPADA MAHKAMAH TINGGI UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN BAGI MEMBUAT PERMOHONAN SUPAYA MAHKAMAH MEMBATALKAN KEPUTUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN YANG MENOLAK PENDAFTARAN PARTI ITU DAN MENDAFTARKAN UMNO BARU.

MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR HARI INI TELAH MENANGGUHKAN PENDENGARAN BAGI PERMOHONAN TERSEBUT.

APABILA DIMINTA MENGULAS LAPORAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN HARI INI YANG MENYEBUT PIHAK PENAJA PARTI TERSEBUT BERURA-URA UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PARTI YANG DINAMAKAN +PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU SEMENANJUNG+ ATAU PERKASA BELIAU BERKATA:

+SAYA TIDAK TAHU SAMA ADA IA (LAPORAN ITU) BENAR ATAU TIDAK. BOLEH JADI IA CUMA KHABAR ANGIN SAHAJA.+

MENGENAI BILANGAN BEKAS ANGGOTA UMNO LAMA YANG TIDAK BOLEH MENYERTAI UMNO (BARU) TAJAAN BELIAU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BILANGANNYA TIDAK MELEBIHI 100 ORANG, TERMASUKLAH TENGKU RAZALEIGH HAMZAH.

MENYENTUH TENTANG KERTAS PUTIH MENGENAI PENAHANAN BERAMAI-RAMAI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), BELIAU BERKATA IA AKAN DIKELUARKAN SEBAIK SAHAJA DISIAPKAN DAN AKAN DIEDARKAN PADA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT SEKARANG. -- BERNAMA.

1954MST 14 03 88